



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wanita jadi mangsa penipuan  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 15 July 2018

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 21

## Wanita jadi mangsa penipuan



KUANTAN- Seorang kakitangan anak syarikat sebuah universiti awam di sini kerugian RM13,754 apabila menjadi mangsa sindiket penipuan melalui sebuah laman sesawang yang dilayarinya, kelmarin.

**Mangsa membuat semua pembayaran melalui perbankan internet kepada satu akaun bank atas nama seorang lelaki." - Mohd Wazir**

Wanita berusia 32 tahun ini melayari laman sesawang berkenaan 11 Julai lalu untuk mendapatkan pinjaman yang diuruskan seorang lelaki.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Superintendan Mohd Wazir

Mohd Yusof berkata, mangsa berurusan dengan lelaki berkenaan untuk mendapat pinjaman RM80,000.

Menurutnya mangsa diarah membuat bayaran proses RM5,600 dan wang jaminan RM8,154 sebelum pinjaman itu diproses.

"Mangsa membuat semua pembayaran melalui perbankan internet kepada satu akaun bank atas nama seorang lelaki dan dijanjikan

semua wang pinjaman akan dimasukkan ke akaun banknya semalam.

"Bagaimanapun selepas membuat semakan, mangsa mendapati wang pinjaman tidak masuk ke akaun seperti yang dijanjikan lalu membuat laporan polis," katanya.

Mohd Wazir berkata, suspek dipercayai menggunakan laman sesawang untuk menawarkan pinjaman mudah yang tidak wujud sebagai mo-

dus operandi untuk memperdaya mangsa yang terdesak.

"Laporan polis yang dibuat mangsa antara 21 laporan yang diterima Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan semalam berkait kes tipu. Orang ramai diharapkan berwaspada," katanya.

